

AMALAN PENTAKSIRAN BERTERUSAN DALAM PROGRAM LATIHAN PERGURUAN BAGI MENDEPANI CABARAN PENDIDIKAN 4.0

Badruddin Hassan, Ph.D
Mohd Azhar Ab Rahman, Ph.D
Abd Samat Taib
Ahmad Fitrinizam Mohammad
Rodhiana Rosli
Sazli Aziz

Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Dato' Razali Ismail
badruddinhassan@ipgm.edu.my

ABSTRAK

Pentaksiran berterusan merupakan suatu pendekatan penilaian yang dilaksanakan untuk mengukur perkembangan pembelajaran siswa guru dalam tempoh waktu tertentu. Fokus utama kajian ini ialah untuk mengetahui sejauh mana kesediaan pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berterusan sesuai dengan Pendidikan 4.0. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul berdasarkan analisis dokumen ke atas Rancangan Maklumat Kursus (RMK), soalan tugas, rubrik pemarkahan dan Jadual Spesifikasi Tugas (JST) kursus EDUP3063 bagi program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG kampus Dato' Razali Ismail (KDRI). Data kemudiannya dianalisis secara statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan amalan pentaksiran bagi kursus EDUP3063 ini agak terbatas untuk memenuhi tuntutan Pendidikan 4.0. Biarpun pensyarah bersikap terbuka untuk mengintegrasikan teknologi dalam amalan pentaksiran, terdapat kekangan yang menghalang penggunaan teknologi diadaptasi secara menyeluruh. Justeru autonomi perlu diberikan kepada para pensyarah untuk melaksanakan pentaksiran yang lebih menjurus kepada Pendidikan 4.0 termasuklah dengan mengintegrasikan teknologi dalam amalan pentaksiran berterusan agar proses pentaksiran menjadi lebih efektif. Dengan amalan pentaksiran berterusan yang efektif, IPG akan dapat menghasilkan calon guru yang lebih berdaya saing dan mampu mendepani perubahan dan cabaran Pendidikan 4.0.

Kata Kunci: *pentaksiran berterusan, Pendidikan 4.0, kesediaan pensyarah*

PENGENALAN

Pelaksanaan pentaksiran penting bagi mencapai aspirasi Falsafah Pendidikan Negara (Azizi & Kamisah, 2018). Pentaksiran perlu dilaksanakan

secara berterusan agar perkembangan pembelajaran pelajar dapat dikenal pasti. Pentaksiran berterusan merupakan suatu pendekatan penilaian yang dilaksanakan untuk mengukur perkembangan pembelajaran pelajar dalam tempoh waktu tertentu. Dalam pentaksiran berterusan, penilaian bukan hanya tertumpu kepada aspek pengetahuan sahaja tetapi penilaian juga akan merangkumi aspek keterampilan, sikap dan nilai yang dipamerkan oleh pelajar (Oli & Olkaba, 2020). Pentaksiran berterusan penting dalam menghadapi cabaran pendidikan 4.0 yang menekankan kepada penggunaan teknologi dan inovasi dalam proses pembelajaran.

Di Institut Pendidikan Guru (IPG), pentaksiran berterusan merujuk kepada penilaian yang dilaksanakan untuk mengukur perkembangan pembelajaran siswa guru dalam program latihan perguruan. Penilaian mencakupi aspek pencapaian akademik, keterampilan mengajar, kemahiran berfikir dan kemampuan refleksi (Mohd Yassin & Yasin, 2018). Melalui pentaksiran berterusan, IPG diharapkan akan dapat menyediakan siswa guru dengan pelbagai kemahiran bagi membolehkan siswa guru dapat mendepani cabaran pendidikan 4.0 sekaligus akan membantu mereka meningkatkan kemahiran mengajar.

Namun begitu, pelaksanaan pentaksiran berterusan yang dilaksanakan di IPG berdepan dengan kekangan dan cabaran tertentu seperti kesediaan pensyarah, sikap siswa guru, pengetahuan pentaksiran, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, bebanan tugas pensyarah serta pengaruh pihak berautoriti (Mohd Haidzir & Norasmah, 2019). Dalam konteks kajian ini, kajian lebih memberi fokus kepada isu berkaitan kesediaan dan sikap pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berterusan. Isu ini timbul disebabkan oleh pelbagai faktor seperti pengetahuan yang terhad berkaitan transformasi pentaksiran dan keperluan Pendidikan 4.0 (Adhi, 2021). Tidak dinafikan bahawa, amalan pentaksiran berterusan ini memerlukan komitmen yang tinggi dan peruntukan waktu yang banyak untuk pensyarah menilai dan memberi maklum balas kepada siswa guru sepanjang proses PdP. Tambahan pula, pensyarah turut mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan kerja-kerja penyelidikan serta perlu memberi khidmat kepada pihak berkepentingan (Haziyah et al., 2020).

Walau bagaimanapun, isu berkaitan kesediaan dan sikap pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berterusan tidak boleh diabaikan. Ini kerana pentaksiran merupakan nadi kepada proses PdP yang baik. Pentaksiran perlu dilihat sebagai penghubung antara pengajaran pensyarah dengan pembelajaran siswa guru (Black & William, 2018). Konsep sebagai penghubung ini dianggap sesuatu yang tepat dalam memberi pemahaman kepada orang ramai dan pendidik khususnya pensyarah tentang fungsi pentaksiran masa kini (Nor Hasnida, 2022). Tambahan pula, pentaksiran bukanlah tugas tambahan bagi pensyarah. Bahkan, pentaksiran merupakan

sebahagian daripada tugas pensyarah yang bertujuan untuk mengukur dan menilai prestasi siswa guru pada akhir sesi pembelajaran. Melalui pentaksiran, pensyarah dapat melihat kekuatan dan kelemahan dalam penyampaian pengajaran dan menilai pencapaian siswa guru di dalam kelas. Ini sekaligus membolehkan pensyarah untuk mengetahui sama ada tujuan pembelajaran telah tercapai atau tidak (Arumugham, 2019).

Seiring dengan perkembangan pendidikan masa kini yang lebih menjurus kepada mendepani cabaran Pendidikan 4.0, pensyarah perlu bersedia dan memiliki sikap yang positif terhadap penggunaan teknologi dalam melaksanakan pentaksiran berterusan (Hajmi & Jamaludin, 2022). Oleh kerana cabaran Pendidikan 4.0 juga melibatkan kecepatan perubahan dan perkembangan teknologi, pensyarah perlu bersikap terbuka dan bersedia menerima inovasi dan kemajuan teknologi yang relevan dengan pentaksiran berterusan. Pensyarah juga harus memiliki kemahiran teknologi yang diperlukan untuk melaksanakan pentaksiran secara lebih berkesan seperti menggunakan platform pembelajaran digital dan aplikasi pentaksiran dalam talian (Sulaiman, 2019; Sulaiman & Hassan, 2019). Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis amalan pentaksiran berterusan dalam kalangan pensyarah yang mengajar kursus komponen asas pendidikan serta menganalisis bentuk-bentuk penilaian yang digunakan dalam PdP bagi mengenal pasti kesediaan dan sikap pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berterusan ke arah mendepani cabaran Pendidikan 4.0.

SOROTAN LITERATUR

Kurikulum IPGM

Fokus IPGM melalui Dasar Akademik adalah terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang merangkumi PdP yang berkualiti, amalan profesional, kokurikulum dan membudayakan amalan penyelidikan. Justeru, wajarlah Dasar Akademik menjadi asas bagi melahirkan modal insan guru yang dinamik, berilmu dan berakhlak mulia (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2023). Salah satu usahanya adalah dengan merealisasikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di IPG berlandaskan visi dan misi IPGM sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru untuk melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia. Manakala proses PdP yang dilaksanakan sepanjang tempoh pengajian siswa guru di IPG turut melibatkan proses pentaksiran ke atas siswa guru bagi mengukur pencapaian siswa guru bagi merealisasikan misi dan visi IPGM. Dalam menghadapi cabaran dan keperluan Pendidikan 4.0 bagi

memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0, amalan pentaksiran berterusan terhadap siswa guru perlu diberikan perhatian serius.

Pentaksiran Berterusan

Kesediaan dan sikap pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berterusan adalah suatu elemen penting dan dapat diukur melalui amalan pentaksiran di bilik kuliah, kebolehan siswa guru, refleksi, motivasi dan pengurusan rekod (Mohamad & Ahmad, 2014). Secara umumnya, pentaksiran berterusan merupakan suatu bentuk pentaksiran yang lebih bersifat formatif untuk menilai siswa guru bagi memberi peluang untuk mereka meningkatkan pencapaian mereka dalam sesuatu proses pembelajaran (Oli & Olkaba, 2020; Puhl, 1997). Maklumat yang diperoleh digunakan sebagai proses pengumpulan maklumat serta membolehkan penambahbaikan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berterusan. Siswa guru boleh memainkan peranan aktif dalam proses pentaksiran dengan mendapatkan maklum balas daripada pensyarah untuk mempertingkatkan pencapaian pembelajaran mereka. Maklum balas adalah mekanisme utama dalam proses ini, kerana maklum balas dapat membantu siswa guru merapatkan jurang antara prestasi semasa dan yang diinginkan. Begitu juga di pihak pensyarah, maklum balas yang diperoleh dapat dijadikan sebagai input untuk mempertingkatkan kemahiran khususnya dalam pedagogi dan pentaksiran ketika proses penyampaian kuliah.

Amalan Pentaksiran Berterusan Di Jabatan Ilmu Pendidikan

Jabatan Ilmu Pendidikan (JIP) Institut Pendidikan Guru kampus Dato' Razali Ismail merupakan salah satu jabatan akademik yang melaksanakan penyampaian kurikulum di institut ini. Tanggungjawab utama melaksanakan penyampaian kursus-kursus komponen asas pendidikan kepada semua siswa guru yang mengikuti latihan mereka. Sebanyak lapan kursus dalam komponen ini ditawarkan dan dikendalikan oleh JIP sepanjang tempoh empat tahun latihan siswa guru di institut ini. Senarai kursus seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1:
Senarai Kursus Komponen Asas Pendidikan di IPG

Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit	Semester	Tahun
EDUP3013	Falsafah dan Pendidikan di Malaysia	3	1	1
EDUP3023	Perkembangan Kanak-kanak 3	3	1	1
EDUP3033	Murid dan Pembelajaran 3	3	2	1
EDUP3043	Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku	3	1	2
EDUP3053	Teknologi untuk Pengajaran dan Pembelajaran	3	1	2
EDUP3063	Pentaksiran dalam Pendidikan	3	2	2
EDUP3073	Budaya dan Pembelajaran Asas Kepimpinan dan Pembangunan	3	2	2
EDUP3083	Profesionalisme Guru	3	2	4

Sumber: Buku Panduan Akademik, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, IPGM, 2017.

Berdasarkan Jadual 1, semua kursus ini mempunyai objektif yang tersendiri dalam kerangka latihan pendidikan guru di semua kampus IPG. Sebagai contoh, kursus EDUP3063 (Pentaksiran Dalam Pendidikan) yang ditawarkan pada semester dua tahun dua, membincangkan konsep pengujian, pengukuran, penilaian dan pentaksiran, tujuan pentaksiran, prinsip pentaksiran, jenis alat pentaksiran; merungkai standard dan penjarangan konstruktif; pentaksiran berasaskan sekolah, rekabentuk dan pembinaan ujian, penskoran dan penggredan, analisis item, pelaporan dan interpretasi serta isu-isu berkaitan pentaksiran berasaskan sekolah rendah di Malaysia. Manakala kursus EDUP3073 (Budaya dan Pembelajaran) memberi fokus kepada membincangkan konsep budaya, aspek, kesan dan implikasi kepelbagaian sosiobudaya di Malaysia, pengurusan bilik darjah mesra budaya, integrasi nasional; kemahiran berkomunikasi dan guru sebagai agen mesra budaya (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2017).

Pelaksanaan pentaksiran pula merujuk kepada keperluan mencapai Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) yang digariskan bagi setiap kursus tersebut. Bagi kursus EDUP3063, terdapat lima HPK yang digariskan dalam penyampaian kursus kepada siswa guru. Setiap HPK pula disusuli dengan kaedah pentaksiran yang ditentukan oleh pihak IPGM dan dinyatakan dengan jelas pada setiap HPK di dalam dokumen Ringkasan Maklumat Kursus (RMK). Jadual 2 menunjukkan susunan HPK dan struktur pentaksiran perlu dilaksanakan oleh setiap pensyarah yang mengajar kursus ini.

Jadual 2:
Kandungan Elemen Pentaksiran Bagi Kursus EDUP3063

Kod Kursus	HPK	Aras Hasil Pembelajaran	Kognitif	Tugasan Pentaksiran
EDUP3063	1. Membincangkan konsep asas pentaksiran, tujuan dan prinsip pentaksiran dalam pendidikan	Aplikasi Pengetahuan (LO1)	(C3)	Kuiz Ujian bertulis
	2. Merancang pentaksiran erdasarkan proses merungkai standard dan penjajaran konstruktif dalam pendidikan	Mencipta Pengetahuan (LO1) Pemikiran kritikal & pendekatan saintifik (LO3) Kemahiran Mencari idea dan mencari penyelesaian alternatif (CTPS 3)		Kuiz Ujian bertulis
	3. Membina pelbagai jenis alat pentaksiran dalam bilik darjah berdasarkan maklumat terkini daripada pelbagai sumber	Mencipta (C6) Maklum balas (A2) Pemikiran kritikal & pendekatan saintifik (LO3) Pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat (LO6) Kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber (LL1)		Kuiz Penulisan akademik Ujian bertulis
	4. Mengaplikasi kriteria pentaksiran yang sesuai, interpretasi data dan melapor prestasi murid dalam proses pembelajaran	Mengaplikasi (C3) Pemikiran kritikal & pendekatan saintifik (LO3) Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta		Penulisan akademik Ujian bertulis

	membuat penilaian yang berjustifikasi (CTPS1)	
5. Menganalisis isu tentang pentaksiran dalam konteks sekolah rendah di Malaysia	Menganalisis (C4) Pemikiran kritikal & pendekatan saintifik (LO3) Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan	Ujian bertulis

Sumber: Ringkasan Maklumat Kursus EDUP3063: Pentaksiran Dalam Pendidikan (IPGM, 2015)

Jadual 2 menghuraikan struktur kursus EDUP3063 yang dilaksanakan di semua kampus berdasarkan dokumen RMK yang disediakan oleh pihak IPGM. Setiap HPK yang digariskan perlu dibuat pentaksiran sepanjang pelaksanaannya oleh pensyarah. Aras kognitif diberi perhatian dalam penetapan tugas pentaksiran ini berdasarkan aras kognitif Taksonomi Bloom 2001. Aras kognitif bermula mengingat (C1), memahami (C2), mengaplikasi (C3), menganalisis (C4), menilai (C5) dan mencipta (C6) perlu ditentukan berdasarkan kandungan HPK yang digariskan dalam setiap kursus. Manakala elemen kemahiran insaniah turut dijadikan elemen penilaian dalam setiap pentaksiran berterusan bagi memastikan semua siswa guru mendapat pengetahuan, pengalaman, dan kemahiran mengendalikan sistem pentaksiran di sekolah selepas mereka ditempatkan nanti. Bagi tujuan pentaksiran, pihak IPGM menetapkan bahawa setiap jenis pentaksiran terdiri daripada pecahan wajaran tertentu. Kuiz ditetapkan sebanyak 10%, penulisan akademik (40%) manakala ujian bertulis atau peperiksaan akhir mewakili 50% wajaran daripada keseluruhan kursus ini.

Pensyarah yang menjadi penyelarasan akan melakukan proses penggubalan soalan tugas, rubrik pemarkahan dan Jadual Spesifikasi Tugas (JST). Proses penggubalan tersebut akan melalui proses dan prosedur tertentu seperti mengadakan mesyuarat pembinaan soalan tugas yang akan melibatkan pensyarah pakar kursus (*Subject Matter Expert* – SME), Pemeriksa Dalam (PD) dan Ketua Jabatan (KJ). Soalan tugas, rubrik pemarkahan dan JSU yang disemak dan disahkan oleh panel lantikan IPG akan diedarkan kepada siswa guru apabila tiba masa

yang ditetapkan. Satu taklimat berkaitan pelaksanaan tugas akan diberikan oleh pensyarah yang bertindak sebagai ketua penyelaras kursus di luar waktu kuliah rasmi. Ini berikutan waktu kuliah rasmi tidak boleh diganggu dengan taklimat kerana akan menjejaskan jam kuliah yang ditetapkan dalam tempoh pengajian siswa guru. Setiap tugas pentaksiran mengandungi tempoh-tempoh tertentu berdasarkan matrik jumlah pemberatan jam pembelajaran seperti terkandung dalam RMK.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa faktor-faktor pelaksanaan pentaksiran berterusan atau pentaksiran alternatif adalah untuk mengurangkan kesan negatif ujian semasa peperiksaan seperti perasaan gemuruh, stress dan rasa cemas. Pentaksiran berterusan juga dapat membantu pensyarah meninjau perkembangan pengetahuan dan potensi siswa guru (Azizi & Kamisah 2018). Selain itu, pentaksiran berterusan membolehkan pensyarah mengukur keberkesanan PdP berpusatkan pelajar serta penekanan kepada kebolehan dan kompetensi, kemahiran abad ke-21 dan pemikiran kognitif aras tinggi. Dalam konteks perkembangan kaedah pentaksiran di IPGKDRI, faktor perubahan juga disebabkan oleh inisiatif IPGM bagi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), impak semakan kurikulum program pengajian serta hasrat IPGM dan pengalaman pensyarah dalam mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran aktif. Kewujudan Kerangka Pendidikan 4.0 juga menjadi pemangkin kepada pelaksanaan ini. Berdasarkan kerangka tersebut, ciri-ciri pentaksiran berterusan yang perlu dilaksanakan dalam sesuatu program pengajian adalah dengan kaedah-kaedah seperti kaedah pentaksiran sahiih atau autentik secara menyeluruh; kaedah pentaksiran yang selari dengan *HIEP*; kaedah bukan peperiksaan dan kaedah kreatif yang sesuai dengan taksonomi hasil pembelajaran kursus.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpul daripada dokumen RMK, dokumen soalan tugas, rubrik pemarkahan dan JST kursus EDUP3063 bagi program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG kampus Dato' Razali Ismail (KDRI). Semua dokumen ini digunakan semasa sesi akademik Januari – Mei 2023 bagi kumpulan siswa guruambilan Jun 2021 yang mengikuti pengajian di semester dua tahun dua. Dapatan kajian daripada dokumen dianalisis secara deskriptif bagi melihat sejauh mana kesediaan dan sikap pensyarah dalam melaksanakan pentaksiran berterusan di kampus ini.

Limitasi dalam kajian ini ialah kursus yang dipilih ialah kursus yang ditawarkan pada semester dua tahun dua bagi sesi pengajian Januari – Mei

2023 sahaja. Manakala kursus yang dijadikan pilihan kajian ialah EDUP3063 (Pentaksiran Dalam Pendidikan) yang merupakan komponen asas pengajian bagi memenuhi satu pusingan kurikulum program pengajian. Manakala kursus-kursus lain dalam kategori yang sama tidak dimasukkan kerana ketidakcapaian sumber data selain faktor pemantauan pelaksanaan PdP kursus-kursus ini yang diuruskan oleh Jabatan Ilmu Pendidikan di IPG KDRI.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pentaksiran berterusan dilaksanakan sepanjang tempoh kursus pengajian bagi tujuan pengumpulan bukti berlakunya pembelajaran dalam kalangan siswa guru, digunakan untuk tujuan penambahbaikan pembelajaran, pengubahsuaian pengajaran dan pengubahsuaian reka bentuk kurikulum. Data atau skor yang diperolehi daripada pentaksiran berterusan boleh digunakan sebagai sebahagian daripada penilaian akhir siswa guru.

Melalui pelaksanaan pentaksiran berterusan bagi kursus EDUP3063, jumlah tugas, jam pelaksanaan dan bentuk tugas menjadi asas perbincangan dapatan hasil kajian ini. Berdasarkan penggubalan soalan tugas, dapat dijelaskan melalui Jadual 3.

Jadual 3:
Struktur Pentaksiran Kursus EDUP3063

Tugas	Jenis Tugas	Wajaran (100%)	Tempoh Pelaksanaan
Kuiz	Soalan struktur Pembinaan JSU Bina 20 item soalan objektif 2	10%	30 minit
Penulisan akademik	soalan subjektif Laporan pelaksanaan pentadbiran ujian di sekolah semasa PBS	40%	25 hari
Ujian bertulis	Peperiksaan bertulis	50%	2 jam 30 minit
Jumlah		100%	

Berdasarkan Jadual 3, struktur pentaksiran berterusan yang dilaksanakan di IPG KDRI terdiri daripada tiga jenis pentaksiran merangkumi kuiz, penulisan akademik dan ujian bertulis. Tugas kuiz mempunyai wajaran sebanyak 10% yang mengandungi dua soalan struktur. Bagi tugas kuiz, kursus ini cuba mencapai HPK1, HPK2 dan HPK3 (Jadual 2). Tempoh masa untuk menjawab soalan kuiz ialah 30 minit sahaja. Kursus ini dilaksanakan secara bersemuka di luar jadual rasmi kuliah.

Tugasan kedua ialah penulisan akademik. Dalam tugasan ini, siswa guru ditugaskan untuk menyediakan satu Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), 20 soalan objektif dan 2 soalan subjektif serta menulis laporan berkaitan pelaksanaan pentadbiran ujian yang menggunakan format ujian bertulis di sekolah di mana mereka menjalani program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) fasa dua. Tugasan ini bagi menguji siswa guru dalam HPK3 dan HPK4 (Jadual 2). Siswa guru juga dikehendaki menganalisis hasil ujian bertulis yang dijalankan di sekolah dengan memberi fokus kepada beberapa kemahiran dalam pentaksiran seperti indeks kesukaran, indeks diskriminasi, analisis distraktur, min, mod dan median bagi ujian tersebut. Semua kemahiran ini dipelajari oleh siswa guru di dalam bilik kuliah secara teori. Bagi menguji siswa guru terhadap pengetahuan dan penguasaan ilmu tentang pentaksiran, mereka diberikan tugasan ini sebagai latihan secara amali atau praktikal bagi memahami selok belok tentang pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Tugasan penulisan akademik dilaksanakan selama 25 hari bermula daripada penyerahan soalan tugas sehingga kepada tempoh penyerahan hasil tugas kepada pensyarah. Tempoh masa menyiapkan tugas ini diberikan berasaskan matrik tempoh tugas bagi program PISMP yang disediakan oleh pihak IPGM. Wajaran tugas ini ditetapkan sebanyak 40% daripada keseluruhan pentaksirannya. Bagi tugas ini, siswa guru dibenarkan untuk menghantar tugas secara dalam talian menggunakan platform *Google Classroom*.

Pentaksiran ketiga ialah ujian bertulis yang dilaksanakan secara peperiksaan berpusat. Bagi tugas ini, siswa guru akan menduduki peperiksaan secara bertulis di dewan peperiksaan mengikut jadual peperiksaan yang dikeluarkan oleh pihak IPGM. Tempoh masa diperuntukkan ialah selama dua jam 30 minit. Soalan-soalan terdiri daripada topik-topik yang terdapat dalam RMK serta menguji HPK1, HPK2, HPK3, HPK dan HPK5 (Jadual 1.2). Terdapat dua bahagian soalan disediakan. Bahagian A terdiri daripada empat soalan struktur yang membawa markah 60% dan Bahagian B terdiri daripada tiga soalan esei di mana, siswa guru hanya dikehendaki menjawab dua soalan sahaja. Jumlah markah diperuntukkan bahagian B ialah 40%. Setelah selesai menduduki ujian bertulis ini, maka lengkaplah sistem atau struktur pentaksiran berterusan yang dilaksanakan bagi kursus EDUP3063 yang diduduki oleh siswa guru.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Pelaksanaan pentaksiran berterusan berdepan dengan kekangan dan cabaran tertentu seperti kesediaan pensyarah, sikap pensyarah, pengetahuan pentaksiran, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, bebanan pensyarah, bebanan siswa guru serta pengaruh pihak berautoriti (Yusof & Othman, 2019). Dalam konteks kajian ini ialah berkaitan isu

kesediaan pensyarah untuk menyediakan set tugas atau soalan tugas, JST dan rubrik pentaksiran berterusan. Penggubalan soalan tugas perlu memenuhi spesifikasi yang ditetapkan seperti memenuhi kriteria pengujian, pengukuran dan penilaian dengan meletakkan aras taksonomi bagi menentukan standard pengujian supaya memenuhi atau mencapai HPK yang ditetapkan. Kebolehan pensyarah dalam memahami dan menguasai kandungan kursus menjadi perkara utama untuk menentukan topik-topik yang perlu diberi fokus untuk menggubal soalan tugas, soalan kuiz dan soalan ujian bertulis. Peringkat kedua ialah semakan kesahan dan kebolehpercayaan soalan tugas, JST dan rubrik pemarkahan oleh Pemeriksa Dalaman yang dilantik oleh jabatan atau IPG kampus itu sendiri sebelum diedarkan dan dilaksanakan kepada siswa guru.

Cabaran seterusnya dalam melaksanakan pentaksiran berterusan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor lain contohnya pengetahuan terkini tentang pentaksiran dan keperluan Pendidikan 4.0 (Fisk, 2017; Hussin et al., 2021). Adakah tugas pentaksiran berterusan mampu memenuhi sembilan kriteria Pendidikan 4.0 seperti pembelajaran berlaku di mana-mana, penekanan kepada e-pembelajaran, pembelajaran berpusatkan pelajar, mengambil perhatian pendapat siswa guru, pentaksiran yang pelbagai (Hussin, 2018). Melalui tugas kuiz, penulisan akademik dan ujian bertulis seperti diamalkan pada kursus EDUP3063 ini agak terbatas untuk memenuhi tuntutan Pendidikan 4.0. Justeru pensyarah wajar diberi kebebasan yang luwes bagi menentukan corak pentaksiran yang lebih autentik untuk menilai kemampuan siswa guru di kampus masing-masing. Pihak IPGM harus memberi autonomi kepada pensyarah di kampus IPG masing-masing untuk menentukan bentuk tugas yang benar-benar menguji kebolehan, pengetahuan dan kemahiran siswa guru. Apabila keluwesan terhadap bentuk penilaian pentaksiran dapat dipelbagaikan, pensyarah boleh membuat pengukuran yang lebih terperinci termasuk aktiviti pembentangan hasil projek siswa guru. Ini kerana aktiviti pembentangan di dalam bilik kuliah boleh dijadikan sebahagian daripada penilaian terhadap amalan pentaksiran berterusan bagi kursus ini.

Pembelajaran Abad ke 21 di peringkat pendidikan tinggi pula menekankan penguasaan elemen 6C iaitu berfikir kritis dan penyelesaian masalah (*Critical Thinking & Problem Solving*), komunikasi (*Communication*), kolaboratif (*Collaboration*), kreatif (*creative*), kenegaraan (*Citizenship*) dan karektoristik (*Charecteristic*) pada semua peringkat pengajian dan mesti diasah setiap penjurong kehidupan, di kolej kediaman, dewan kuliah, merentasi aktiviti kesukarelawanan dan keusahawanan dan juga di padang sukan (Tamuri & Hussin, 2017). Kemahiran yang perlu ialah kemahiran penyelesaian masalah kompleks, kemahiran komunikasi lisan dan bertulis dengan berkesan termasuk kompetensi banyak bahasa yang mengangkat siswa guru di arena globalisasi; kemahiran sebagai pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan; kepintaran emosi sebagai kunci kejayaan

hubungan sosial dan profesional; kebijakan merebut peluang, kreatif dan berinovatif dalam mengemukakan cadangan dan berani ambil risiko.

Bagi mencapai hasrat di atas, pengukuran kursus berdasarkan elemen kognitif dari sistem pendidikan tradisional perlu diubah. Ini kerana pencapaian siswa guru tidak lagi terikat dengan bidang pengajian dan peperiksaan semata-mata. Keupayaan kognitif amat diperlukan agar masalah kompleks ditangani secara agresif dan holistik bagi melahirkan siswa guru yang kompeten untuk menangani masalah kompleks. Siswa guru perlu dilatih dan dibimbing supaya berkeupayaan mengumpulkan data yang autentik dari sumber terbuka dan tanpa terhad, mempunyai kedalaman analisis dan pengetahuan, mengambil kira pemegang taruh yang pelbagai dan impak penyelesaian terhadap pelbagai aspek seperti ekonomi, persekitaran, sosial, politik, etika, kesihatan dan kelestarian (Hussin et al., 2021; Muzaffar Mohamed Sidin et al., 2020; Nababan et al., 2020). Oleh itu, pentaksiran berterusan sangat wajar dipertimbangkan kerana ia melihat perkembangan siswa guru membina pengetahuan dan mengasah kebolehan menyelesaikan masalah dengan pemikiran tinggi dan kreatif.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa kaedah pentaksiran kursus-kursus bagi komponen pengajian asas di IPG KDRI telah berubah dari pentaksiran konvensional kepada pentaksiran alternatif walaupun kadarnya masih rendah dan tidak seimbang idea dan cabaran Pendidikan 4.0. Kewujudan pelbagai inisiatif di bawah PPPM 2013-2025 dan Dasar Akademik IPGM dengan kriteria-kriteria yang digariskan itu merupakan faktor pendorong kepada perubahan ini. Bentuk penilaian yang digunakan pula bukan sahaja memberi fokus kepada pembelajaran berasaskan aktiviti, kerja lapangan, penulisan akademik, sebaliknya perlu menjangkau penggunaan teknologi seperti penilaian atas talian. Aktiviti-aktiviti ini mencirikan amalan pendidikan yang berimpak tinggi sejajar dengan hasrat PPPM 2013-2025, malah menangani perubahan dan cabaran Pendidikan 4.0.

RUJUKAN

- Adhi, G. (2021). Pendidikan 4.0: Apa Itu? dan Era Revolusi Industri (pp. 3–9). Tripven. <https://www.tripven.com/pendidikan-4-0/>
- Arumugham, K. S. (2019). Pentaksiran Bilik Darjah dan Kemenjadian Murid : Pengukuran Tahap Perkembangan Pembelajaran Murid dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. Research Gate, April.

- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom Assessment and Pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 551–575. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2018.1441807>
- Fisk, P. (2017). Education 4.0... the future of learning will be dramatically different, in school and throughout life. <https://www.peterfisk.com/2017/01/future-education-young-everyone-taught-together/>
- Hajmi, H., & Jamaludin, K. (2022). Kesiediaan guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah di sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4), 119-125.
- Hussin, A. A. (2018). Education 4.0 Made Simple: Ideas For Teaching. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 6(3), 92. <https://journals.aiac.org.au/index.php/IJELS/article/view/4616>
- Hussin, H., Amran, N. N., Farhana, N., Rahman, A., & Ismail, A. (2021). Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani Cabaran Pandemik COVID-19 Exploration of Alternative Assessment Practi ... Amalan Pentaksiran Alternatif dalam Program Pengajian Islam di Univers. *Islamiyyat*, 43(1), 3–14. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-4301-01>
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). Buku panduan akademik program ijazah sarjana muda dengan kepujian. Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2023). Buku panduan pentaksiran IPG (Kemaskini). Pusat Peperiksaan dan Penganugerahan Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Mohamad, M., & Ahmad, J. (2014). Kesiediaan pensyarah mentranformasi pentaksiran program prauniversiti: satu analisis faktor. *Sains Humanika*, 2(4), 107–113.
- Mohd Yassin, S. F., & Yasin, R. M. (2018). Assessment Practices in Teacher Education Programs: A Review of Literature. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 6(2), 16–29.
- Muzaffar Mohamed Sidin, Mohd Farid Alias, & Noor Intan Tahir. (2020). Kesiediaan pengetahuan revolusi industri 4.0 dalam kalangan pensyarah politeknik kota. *Politeknik Kota Kinabalu*, 66(August), 12.

- Nababan, T. M., Purba, S., & Siburian, P. (2020). The Challenge of Being a Teacher in Industrial Revolution 4.0. 488(Aisteel), 219–223. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201124.047>
- Nor Hasnida, M. G. (2022). Pentaksiran formatif: Panduan untuk guru masa kini. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Oli, G., & Olkaba, T. (2020). Practices and challenges of continuous assessment in colleges of teachers education in west Oromia region of Ethiopia. *Journal of Education, Teaching and Learning*, 5(1), 8-20.
- Puhl, C. A. (1997). Develop, Not Judge. Continuous Assessment in the ESL Classroom. In *Forum* (Vol. 35, No. 2, p.g2). For full text: <http://e.usia.gov/forum/>.
- Sulaiman, A. R. (2019). Tahap kesediaan guru pendidikan islam dalam pentaksiran dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sekolah rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 6(1), 1-7.
- Sulaiman, A. R., & Hassan, H. (2019). Tahap kesediaan guru pendidikan Islam dalam pentaksiran dokumen standard kurikulum dan pentaksiran sekolah rendah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 1-7.
- Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017). *Pendidikan abad ke-21 dalam kepelbagaian budaya: cabaran dan harapan*. Kertas Kerja Seminar Pedagogi Antarabangsa Ke 8. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Yusof, M. H., & Othman, N. (2019). *Isu dan permasalahan pentaksiran alternatif dalam sistem penilaian di Malaysia*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 337–350.